

18 FEB 1997

Ramli - Lindung

PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR PERLU SEIMBANG DENGAN PEMBANGUNAN

IPOH, 18 Feb (Bernama) -- Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib mahu usaha melindungi hidupan liar dan hutan simpan perlu dilaksanakan secara seimbang dengan kegiatan pembangunan.

Walaupun hidupan liar dan hutan simpan perlu dikekalkan, namun ia perlu diseimbangkan dengan pembangunan yang diperlukan manusia, katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis sambutan Aidil Fitri anjuran Yayasan Perak di sini malam tadi.

Beliau diminta mengulas teguran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap pihak tertentu supaya tidak keterlaluan dalam memelihara hidupan liar sehingga menjejaskan pembangunan kepada manusia.

Beliau berkata teguran Perdana Menteri itu merupakan langkah yang baik memandangkan pembukaan kawasan hutan juga perlu bagi tujuan ekonomi dan sebagai kawasan penempatan yang baru.

Katanya, ada juga pembangunan yang tidak memerlukan kepada penerokaan hutan secara besar-besaran seperti Projek Bakun yang masih mengekalkan kawasan hutan simpannya.

Pengekalan hutan Belum di negeri ini juga perlu dan pembangunan tidak dijalankan di kawasan itu memandangkan kedudukannya yang terletak di kawasan sempadan dengan negara jiran, katanya.

Ramli berkata masih terdapat sejuta hektar hutan simpan di negeri Perak yang masih terpelihara bagi mengekalkannya sebagai kawasan simpanan.

Beberapa pakar hidupan liar Sabtu lalu merayu kerajaan negeri supaya memelihara hutan yang dihuni banyak hidupan liar bagi memastikan haiwan itu tidak pupus atau berpindah.

Mereka juga berpendapat hasrat kerajaan negeri menggantikan hutan simpan dengan kawasan lain sebagai habitat hidupan liar tidak membantu menyelesaikan masalah kepupusan kerana beberapa jenis haiwan liar tidak dapat hidup apabila berpindah ke kawasan baru.

Ramli juga menyokong arahan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh supaya semua pihak berkuasa tempatan mewujudkan talian terus bagi memudahkan orang ramai membuat aduan terhadap masalah seperti sampah-sarap dan pencemaran.

Kebanyakan Pihak Berkuasa Tempatan kini menghadapi masalah menyediakan talian terus dan pasukan bertugas 24 jam menyebabkan banyak aduan tidak dapat diterima dan diambil tindakan.

PBT boleh menggunakan beberapa cara bagi mengatasi masalah berkenaan termasuk memperkenalkan mesin jawapan yang boleh menerima sebarang aduan.

Talian terus Majlis Bandaraya Ipoh didakwa tidak berfungsi pada musim perayaan lalu menyebabkan orang ramai sukar membuat aduan tentang kejadian pembuangan minyak diesel yang mencemari Sungai Kinta. -- BERNAMA

RZS FAZ